



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PEMAKLUMAN MENGENAI KEPUTUSAN TENDER PERKHIDMATAN MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK (BMB) KE ASRAMA SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BAGI FASA 2 TAHUN 2019, FASA 2A(i) TAHUN 2019 DAN FASA 2A(ii) TAHUN 2019

Dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia sedang memuktamadkan Surat Setuju Terima (SST) bagi Tender Perkhidmatan Membekal Makanan Bermasak (BMB) Ke Asrama Sekolah/Institusi Pendidikan Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia bagi Fasa 2 Tahun 2019, Fasa 2A(i) Tahun 2019 dan Fasa 2A(ii) Tahun 2019.

Mengambil kira pengumuman Kerajaan mengenai Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) pada 27 Mac 2020 yang bersetuju untuk melanjutkan tempoh kontrak perkhidmatan sebagai *trade-off* dengan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi kontrak perkhidmatan yang terjejas dengan penguatkuasaan PKP, maka penyediaan dan penyerahan SST tender yang berkenaan memerlukan penelitian dan perancangan yang tersusun bagi memastikan SST yang ditawarkan adalah teratur supaya kontraktor boleh melaksanakan perkhidmatan dengan berkesan.

Sehubungan dengan itu, penyerahan SST kepada pembekal yang berjaya akan dilaksanakan sebelum 23 Jun 2020. Dimaklumkan juga bahawa kaedah dan prosedur penyerahan SST bagi tender tersebut oleh Kementerian Pendidikan Malaysia adalah tertakluk kepada sebarang arahan terkini berkaitan PKP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Sebarang pertanyaan boleh berhubung terus dengan **Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Perolehan, Seksyen Pengurusan BMB** melalui aplikasi Whatsapp di talian **011-6426 4464** dan emel **nur.ilham@moe.gov.my**.